

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 DECEMBER 2016

APABILA BR1M DIANGGAP RASUAH

UM-28/12/2016



**ZULKIFLEE
BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

SELEPAS membuat pelbagai tohmahan berhubung ekonomi dan projek yang dijalankan oleh kerajaan, kini bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad cuba memainkan sentimen Rakyat apabila menuduh Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) yang diperkenalkan sejak 2012 adalah rasuah dan salah dari segi undang-undang.

Dakwa beliau, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menggunakan BR1M bagi meraih sokongan rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Persoalannya, BR1M diperkenalkan pada 2012, kalau betul hujah Dr. Mahathir bahawa BR1M adalah umpan untuk Barisan Nasional (BN) meraih undi, apakah ketika PRU-13 BN mendapat kejayaan cemerlang hasil pemberian BR1M?

Kajilah keputusan PRU-13, BN masih gagal menawan semula Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang manakala di peringkat Parlimen, parti itu terus memerintah dalam keadaan tiada majoriti dua pertiga manakala ada negeri terpaksa ditadbir tanpa majoriti yang sama.

Kalau benarlah BR1M rasuah yang boleh membeli undi, BN tidak akan menerima nasib seumpama itu. Malah perlu diingatkan BR1M diberikan kepada seluruh lapisan masyarakat yang layak tanpa mengira latar belakang bangsa, agama mahupun fahaman politik.

Tidak ada tertulis dalam borang BR1M parti mana yang pemohon sokong. Lebih menarik dalam pelbagai perdebatan di laman sosial ada penyokong pembangkang berbangga menerima BR1M dengan berhujah, "Itu bukan duit UMNO tetapi duit rakyat, maka aku ambil lah."

Itu belum lagi mengambil kira



PERLU diingat Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) diberikan kepada seluruh lapisan masyarakat yang layak tanpa mengira latar belakang bangsa, agama mahupun fahaman politik. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

bagaimana ada sekelompok individu yang memaki hamun kerajaan dalam internet tetapi menggunakan kaedah yang sama untuk mengisi borang memohon BR1M. Tetapi itu hak mereka, kerajaan tidak menghalang sesiapa pun untuk menyokong mana-mana parti kerana ia adalah amalan demokrasi sebab itulah bantuan BR1M diberikan tanpa mengira fahaman politik.

Jika BR1M adalah rasuah dan bertujuan membeli undi, lebih baik BN simpan sahaja wang tersebut dan beri sahaja kepada pengundi-pengundi di kawasan-kawasan parti itu mahu menang ketika pilihan raya nanti, tetapi BN tidak berbuat demikian sebaliknya pemberian BR1M diberikan secara adil dan saksama kepada mereka yang layak.

Seperti mana dinyatakan BR1M sudah dilancarkan sejak 2012 dan ketika itu ramai pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) termasuk anak beliau, Datuk Seri Mukhriz masih berada di dalam UMNO dan kerajaan. Adakah ketika itu mereka menentang BR1M kerana berpendapat ia adalah rasuah?

Kenyataan Dr. Mahathir yang menuduh BR1M sebagai rasuah bermakna sejak 2012 berjuta-juta rakyat negara ini melakukan

perbuatan itu kerana menerima BR1M. Untuk rekod bilangan BR1M ialah 4.1 juta orang pada 2012, 6.8 juta orang (2013), 6.9 juta orang (2014), 7.3 juta orang (2015) dan 7.3 juta orang (2016).

Kalau begitu bagaimana dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir ketika beliau menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun? Tidakkah itu juga boleh dianggap rasuah kerana penulis masih ingat Dr. Mahathir juga pernah berkata hanya dengan mengundi BN sahaja rakyat negara ini akan dapat menikmati pembangunan dan kemakmuran?

Mungkin hujah ini dapat nampak dangkal tetapi kalaulah Dr. Mahathir boleh membuat tafsiran berhubung istilah rasuah mengikut fahaman politik beliau, kenapakah orang lain tidak boleh melakukan perkara yang sama?

Kita memahami Dr. Mahathir kini berada di dalam blok pembangkang, tetapi janganlah beliau melakukan perbuatan yang suatu ketika dahulu beliau sendiri tentang iaitu pembangkang kerja mereka membangkang, tidak ada satupun yang kerajaan buat akan dianggap baik atau akan dipuji oleh pembangkang - itulah kata-kata Dr. Mahathir dahulu.

Kini Dr. Mahathir semakin menjwai semangat pembangkang dengan menentang apa sahaja agenda kerajaan hanya disebabkan dendam politik beliau kepada Perdana Menteri. Jika bekas Perdana Menteri berusia 91 tahun itu menganggap BR1M adalah rasuah dan salah di sisi undang-undang, beliau perlu bersedia membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Adalah diharapkan Dr. Mahathir akan membuat laporan tersebut bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan. Beliau tidak perlu memberi alasan untuk tidak berbuat demikian termasuklah mungkin akan berhujah, "Saya minta maaf kerana membuat anggapan yang salah. Saya akan ambil ingatan bahawa SPRM adalah milik Najib dan parti BN."

Bagaimanapun dari satu segi, kerajaan dan BN tidak perlu gundah gulana dengan tuduhan demi tuduhan yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir, kalaulah projek seperti BR1M yang benar-benar bertujuan mengurangkan beban rakyat tanpa mengira fahaman politik mereka dianggap rasuah, apa mahu dihairankan kalau projek-projek lain juga akan dituduh macam-macam.

Sememangnya penulis sama sekali tidak menafikan kewibawaan dan keupayaan Dr. Mahathir dalam berhujah sehingga mampu menarik ramai orang menyokong beliau, tetapi agak-agaklah dalam mempolitikkan sesuatu isu.

Mungkin bagi pemimpin besar seperti Dr. Mahathir, wang berjumlah RM500 hingga RM1,200 dalam bantuan BR1M tidak mempunyai apa-apa makna, tetapi percayalah bagi rakyat marhaen mereka akan menyukurinya tanpa mempedulikan apapun motif di sebalik pemberian tersebut, namun mereka tetap mempunyai maruah. Justeru hati-hatilah membuat kenyataan, kalaupun sudah ketandusan isu yang mahu dipolitikkan.